

PENDAHULUAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah Pencipta semesta alam. Selawat dan salam bagi makhluk Allah yang paling mulia, paling sempurna, paling agung; Nabi Muhammad s.a.w.. Bagindalah Nabi pilihan Allah yang menyeru kepada kebenaran dengan benar, yang membawa petunjuk ke arah jalan Allah yang lurus. Selawat dan salam untuk Baginda, keluarganya dan juga untuk para sahabatnya.

Berikanlah kepadanya ya Allah, wasilah, fadhilah dan darjat yang tinggi. Bangkitkanlah dia dalam kedudukan yang terpuji sebagaimana yang Engkau janjikan. Tidaklah Engkau mengingkari atau melupakan janji.

Selanjutnya Allah berfirman:

إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ
شَهِيدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا ﴿٨﴾ لِيُؤْمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ
وَيُعَزِّرُوهُ وَيُوقِرُوهُ وَيُحِبُّوهُ بِحُبِّهِ كَغَرَّةٍ أُصِيلًا ﴿٩﴾

'Sesungguhnya Kami telah mengutusmu (wahai Muhammad) sebagai Rasul yang menjadi saksi (yang diterima keterangannya), dan sebagai pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman), serta pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar). (Kami mengutusmu (wahai Muhammad) supaya engkau dan umatmu beriman kepada Allah dan RasulNya, dan supaya kamu kuatkan agamaNya serta memuliakanNya, dan supaya kamu beribadat kepadaNya pada waktu pagi dan petang.'

(Al-Fath : 8-9)

Orang yang mencintai sesuatu akan sentiasa mengutamakan suatu yang dicintainya. Itu kalau ia jujur dalam cintanya. Jika tidak sedemikian, bererti dia hanya berpura-pura.

Sesiapa yang jujur dalam mencintai Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam, nescaya akan kelihatan tanda-tanda cinta itu dalam dirinya. Dia akan selalu mengikuti Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam, meneladani Sunnahnya dalam perkataan, perbuatan dan segala tingkah laku Baginda, menjalankan segala perintahnya, menjauhi semua larangannya. Dia akan berusaha mengikuti adab Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam. Bagaimana sikap Baginda apabila menghadapi kesulitan, sedang berduka, sedang gembira atau ketika membenci sesuatu.

Allah berfirman :

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ
فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ

'Katakanlah (wahai Muhammad): 'Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.'

(Ali Imran : 31)

Allah juga berfirman :

فَاعْتَمُوا بِاللهِ وَرَسُولِهِ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ الَّذِي يُؤْمِنُ بِاللَّهِ
وَكَالِمَاتِهِ. وَأَتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ

Oleh itu, berimanlah kamu kepada Allah dan RasulNya, Nabi yang Ummi yang beriman kepada Allah dan Kalimah-kalimahNya (Kitab-kitabNya); dan ikutilah dia, supaya kamu beroleh hidayah petunjuk.'

(Al-A'raf : 158)

Sahl bin Abdullah pernah berkata, firman Allah: *'(iaitu) jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka'* boleh dicapai dengan mengikuti Sunnah. Allah memerintahkan hal itu dan menjanjikan petunjuk bagi sesiapa

sahaja yang mengikuti RasulNya. Dia mengutuskan RasulNya dengan hidayat dan agama yang benar untuk menyucikan manusia, mengajar mereka kitab dan hikmah, serta memberi petunjuk kepada jalan yang lurus. Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wa sallam* menjanjikan kecintaan Allah melalui ayat dan keampunannya apabila manusia mahu mengikuti Baginda serta mengutamakan Baginda mengatasi jiwa, nafsu, dan apa sahaja yang dikehendaki oleh jiwa mereka. Kesempurnaan iman mereka akan tercapai apabila mereka taat kepada Baginda, rela dengan hukum-hukum yang Baginda bawa, meninggalkan tentangan ke atas diri Baginda dan berserah diri secara keseluruhannya.

Allah berfirman :

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ
حَتَّىٰ يُحْكِمُوا فِي مَا شَجَرِيبِنَّهُمْ ثُمَّ لَا يُجِدُوا
فِي أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

Maka demi Tuhanmu (wahai Muhammad)! Mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa di hati mereka sesuatu keberatan dari apa yang telah engkau hukumkan, dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya.

(An-Nisa' : 65)

Tidak ada sesuatu yang tersembunyi bagi sesiapa sahaja yang mempelajari sesuatu ilmu atau mengkhususkan diri dengan pemahaman yang paling lemah sekalipun. Pengagungan terhadap Allah merupakan penghargaan bagi Nabi beserta segala keutamaannya. Kesempurnaan dan amalnya begitu elok dan tidak terbilang banyaknya. Keagungan Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wa sallam* adalah lebih dari apa yang mampu kita ucapkan dengan lidah dan ditulis dengan pena.

Di antaranya ialah apa yang dijelaskan oleh Allah di dalam kitabnya. Allah mengingatkan manusia tentang keagungan keperibadian Baginda, memuji akhlak dan adabnya, dan

memerintahkan hamba-hambanya untuk mengikutinya dan menghiasi diri dengan teladannya. Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam sentiasa didahulukan dan diutamakan, dibersihkan dan disucikan, dipuji dan diredhai, kemudian diberi pahala yang utama atasnya. Baginya jua keutamaan dan puji-puja dari awal hingga akhir.

Di antaranya ialah apa yang telah diterangkan oleh Allah kepada seluruh makhluknya. Allah menjelaskan tentang kesempurnaan RasulNya dan penghargaanNya atas dirinya. Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam dikurniakan keelokan yang menakjubkan, akhlak yang terpuji, kemampuan yang mulia dan berharga, serta keutamaan yang banyak. Baginda dikuatkan dengan mukjizat yang terang, bukti yang jelas, dan rahmat yang nyata, yang boleh disaksikan oleh orang-orang yang menyertainya, boleh dilihat oleh orang-orang yang mendampinginya, dan boleh diketahui oleh generasi-generasi sesudahnya dengan pengetahuan yang benar. Begitulah seterusnya, hingga ilmu hakikat tersebut sampai kepada kita dan cahayanya menyinari kita semua.

Mukjizat Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam yang cemerlang adalah berupa pengetahuan dan ilmu yang dihimpunkan oleh Allah baginya. Termasuk di dalamnya semua kebaikan dunia dan agama, juga pengetahuannya tentang masalah-masalah syariatnya, tuntutan agamanya, tipu daya hamba-hambanya, dan kebaikan umatnya. Baginda mengetahui apa yang terjadi kepada umat-umat sebelumnya, kisah para Nabi dan Rasul sebelum dirinya, riwayat para penguasa yang kejam, dan sejarah masa silam semenjak zaman Nabi Adam hingga zaman Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam saat itu. Berkenaan dengan para Nabi dan Rasul sebelumnya, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam memelihara syariat-syariat mereka, menjaga kitab-kitab suci mereka, memahami sirah mereka, menyebarkan berita tentang mereka, sifat-sifat tugas mereka, perbezaan pandangan mereka, jumlah mereka, usia mereka, dan hukum hakim-hakim mereka. Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam memahami tuntutan setiap golongan kafir dari umat-umat mereka itu, dan menentang penyelewengan-penyelewengan yang mereka lakukan terhadap isi kitab-kitab suci. Baginda juga menguasai bahasa dengan fasih serta pelbagai macam dialeknya,

menguasai sejarah bangsa Arab, mengenal tokoh-tokoh mereka, mahupun hukum-hukum yang berlaku di antara mereka, menguasai syair-syair mereka, dan dikurniakan kemampuan untuk mengutarakan sesuatu secara singkat tetapi padat maknanya.

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam mengetahui teladan-teladan yang baik dan hukum-hukum yang terang, memudahkan pemahaman soal-soal syariat yang sulit. Syariat yang dibawanya meliputi keindahan akhlak, adab yang mulia, dan semua yang baik, yang dijelaskan secara terperinci. Hatta seorang athies pun tidak akan mampu mengingkari kebenarannya. Mereka menghina Nabi kerana mereka terbelenggu oleh nafsu. Bahkan golongan jahiliyyah yang kufur dan berlaku bengis atas dirinya membenarkan seruannya tanpa meminta bukti.

Selanjutnya Baginda menghalalkan apa-apa yang baik dan mengharamkan apa-apa yang buruk atas diri mereka. Baginda mengajarkan mereka agar sentiasa menjaga diri, kehormatan dan harta mereka dari apa-apa yang boleh mendatangkan kehinaan. Baginda memberitahu tentang batas usia dunia yang singkat dan ancaman api neraka yang mengikut di belakang mereka. Kedua hal tersebut tidak boleh diketahui kecuali dengan mempelajari secara tekun dan sungguh-sungguh tentang aneka ilmu pengetahuan.

Orang-orang yang menguasai berbagai ilmu pengetahuan seperti kedokteran, fara'idh, hisab, genetika dan lain-lain akan mendapati bahawa sabda-sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam mengandungi teladan yang baik, bahkan banyak mengemukakan tentang dasar-dasar ilmu dan pekerjaan mereka.

Dari segenap aspek pengajaran mukjizat Rasul kelihatan jelas bahawa mukjizat rasul-rasul tersebut sentiasa selaras dengan keadaan zamannya, selalu mengikuti kecenderungan yang berkembang di dalam masyarakat ketika itu. Berikut dinyatakan beberapa bukti tentang hal ini.

Pada zaman Nabi Musa ilmu yang menonjol dan menjadi idola di dalam masyarakat ketika itu ialah ilmu sihir. Itu sebabnya Allah mengutuskan Musa kepada mereka berbekalkan mukjizat yang serupa dengan ilmu sihir. Para ahli sihir yang

terkenal ketika itu berhimpun untuk beradu kehebatan melawan Nabi Musa, dan ternyata Rasul utusan Allah tersebut berhasil melumpuhkan seluruh lawannya. Maka dengan itu Allah membatalkan sihir-sihir mereka. Selanjutnya zaman Isa as. Pada masa itu ilmu yang diagungkan-agungkan dan banyak dimiliki oleh masyarakat adalah ilmu kedokteran. Oleh sebab itu Isa datang kepada mereka dengan keahlian dalam bidang perubatan yang luar biasa, yang tidak mampu ditiru dan merupakan hal yang berada di luar perhitungan kaumnya. Di antaranya beliau mampu menghidupkan orang mati, atau menyembuhkan penderita penyakit sopak dan kusta tanpa ramuan ubat-ubatan ataupun apa jua tindak balas perubatan selainnya.

Demikianlah mukjizat para Nabi dan Rasul. Kemudian Allah mengutus Muhammad ketengah-tengah bangsa Arab yang sangat menonjol kemampuan bahasanya. Bangsa ini mahir berolah kata, bersilat lidah, bersyair serta gemar praktik perbomohan dan juga ramal-meramal. Justeru Allah menurunkan ke atas mereka Al-Quran yang menentang semua ilmu itu dan mengandungi beberapa keunikan seperti ;

Di aspek bahasa, Al-Quran memiliki keindahan bahasa sekaligus kandungan erti yang membuatkan lidah-lidah mereka menjadi kelu.

Dari segi norma-norma dan aturan-aturan yang asing serta berlainan dengan yang biasa berlaku di dalam masyarakat Arab ketika itu.

Dari segi perkhabaran, Al-Quran membawa berita tentang rahsia-rahsia berbagai peristiwa mahupun isi hati yang tersembunyi. Apa yang diketengahkan menguatkan kebenaran dan kejujuran Nabi pembawanya, dan hal ini diakui oleh musuhnya sekalipun.

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam menafikan ilmu perbomohan. Praktik-praktik semacam itu kemungkinan benar hanya sekali, sebaliknya dusta sepuluh kali. Justeru, Baginda membanteras habis-habisan sampai ke akar umbinya dengan ancaman neraka dan menandinginya dengan Al-Quran yang memberitakan tentang kejadian di abad-abad yang lalu, tentang para nabi beserta umat-umatnya yang telah lama musnah. Berita

yang dibawanya seakan melumpuhkan alam, Ini merupakan mukjizat yang besar. Tidak ada kebatilan di dalamnya, baik dari hadapan mahupun dari belakang.

Al-Quran adalah mukjizat yang abadi sampai hari kiamat kelak bagi seluruh umat terdahulu, sekarang dan di masa akan datang. Dalil-dalilnya jelas dan bukti-buktinya kuat. Tidak ada yang tersembunyi di dalamnya bagi sesiapa sahaja yang mahu menekuni dan menelaah pemberitaannya yang ghaib-ghaib. Waktu yang terus berlalu juga turut membuktikan kebenaran berita-berita yang dibawanya. Hal ini juga membuat iman terus segar dan memperlihatkan buktinya.

Mukjizat para Rasul terdahulu tidak dapat lagi disaksikan seiring dengan berlalunya waktu. Mukjizat-mukjizat itu lenyap seiring dengan wafatnya Nabi-Nabi pembawanya. Namun tidak demikian halnya dengan mukjizat Nabi kita, Muhammad. Al-Quran tidak hilang atau pupus ketika Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam wafat, bahkan ayat-ayatnya terasa seakan sentiasa terkini dan tidak pernah berkurangan, walau sehuruf sekalipun. Kerana itu Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam mengisyaratkan dengan sabdanya melalui Abu Hurairah Radiallahu'anhu :

مَا مِنَ الْأَنْبِيَاءِ نَبِيٍّ إِلَّا أُعْطِيَ مِنَ الْآيَاتِ مَا مِثْلَهُ آمَنَ عَلَيْهِ الْبَشَرُ،
وَإِنَّمَا كَانَ الَّذِي أُوتِيتُ وَحْيًا أَوْحَاهُ اللَّهُ إِلَيَّ، فَأَرْجُو أَنْ أَكُونَ
أَكْثَرَهُمْ تَابِعًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ

'Tidak ada di antara para Nabi pun kecuali diberi suatu tanda untuk diimani oleh manusia. Dan yang diberikan kepadaku adalah wahyu yang diturunkan oleh Allah kepadaku. Maka Daku harap aku menjadi Nabi yang paling banyak pengikutnya sampai hari kiamat nanti.'

Selain daripada itu, pada hadis sahih lainnya, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda : 'Perumpamaanku dengan apa yang diutus oleh Allah adalah seperti seorang yang mendatangi suatu kaum lalu berkata, 'Wahai saudara-saudara, aku telah melihat dengan mata kepalaku kedatangan suatu pasukan dan aku benar-benar membawa berita yang nyata. Maka

carilah keselamatan. Maka sebahagian dari kaumnya menuruti kata-katanya dengan bergegas untuk menyelamatkan diri, sehingga mereka pun selamat. Sebahagian lagi tidak percaya dan tetap tinggal di tempat mereka sehingga keesokan paginya mereka diserang dan dihancurkan oleh pasukan itu. Demikianlah contoh orang yang mahu mentaatiku, mahu mengikuti dan melakukan apa yang ku serukan, serta orang yang menentang dan mendustakan kebenaran yang ku bawa.'

Taat mengikuti Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam dan beradab sebagaimana adab Baginda belum menjadikan seseorang memahami teladan-teladan yang harus diikuti, hadis yang diriwayatkan, atau masalah-masalah yang perlu dipelajari. Namun, sebelum itu dia harus mencintai Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam dan menjunjung tinggi cinta Rasul di atas segala-galanya kecuali Allah.

Imam Al-Bukhari dan Muslim di dalam **Sahih** mereka, dan An-Nasa'i di dalam **Sunnah**nya mengutip kata-kata Anas bin Malik yang berkata : 'Aku mendengar Rasulullah bersabda :

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ وَالنَّاسِ
أَجْمَعِينَ

'Tidak beriman salah seorang daripada kamu sehingga aku lebih dia cintai daripada dirinya sendiri, ayahnya, anaknya dan sekalian manusia.'

Justeru, tidak hairanlah bila kedudukan kecintaan kepada Rasulullah yang sedemikian merupakan wujud pengagungan Allah atas dirinya. Sedangkan namanya pun disejajarkan dengan nama Allah di dalam syahadat yang merupakan lambang Islam dan kejujuran iman.

Itulah bukti keagungan yang dikurniakan oleh Allah kepada RasulNya, yang khusus untuknya sendiri, tidak termasuk para Nabi dan Rasul yang mendahuluinya.

Tidak ada dalil yang lebih nyata tentang penjagaan dan penghargaan Allah atas Rasulullah selain panggilan Baginda terhadap keluarga, dan sahabat-sahabatnya harus disikapi

secara berbeza dengan panggilan orang awam yang lain. Allah juga mengagungkan sedemikian rupa sehingga sesiapa sahaja dilarang meninggikan suara apabila berada di hadapan Baginda, sepertimana yang dinyatakan di dalam firman Allah :

لَا تَجْعَلُوا دُعَاءَ الرَّسُولِ
 بَيْنَكُمْ كَدُعَاءِ بَعْضِكُمْ بَعْضًا قَدْ يَعْلَمُ اللَّهُ الَّذِينَ
 يَتَسَلَّلُونَ مِنْكُمْ لِوَاذٍ أُولَئِكَ خَدَرِ الَّذِينَ يُخَالِفُونَ عَنْ أَمْرِهِ
 أَنْ تُصِيبَهُمْ فِتْنَةٌ أَوْ يُصِيبَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

'Janganlah kamu jadikan seruan atau panggilan Rasulullah di antara kamu seperti seruan atau panggilan sesama kamu; sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang di antara kamu yang menarik diri ke luar (dari majlis Nabi) secara berselindung dan bersembunyi. Oleh itu, hendaklah mereka yang mengingkari perintahnya, beringat serta berjaga-jaga jangan mereka ditimpa bala bencana, atau ditimpa azab seksa yang tidak terperi sakitnya.'

(An-Nuur : 63)

Allah juga mengajarkan kepada hamba-hambanya adab bersikap terhadap Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam, mewajibkan hamba-hambanya untuk menghargai Baginda sepenuhnya dan mengagungkannya kerana kedudukannya yang mulia.

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman :

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَانْفِدُوا مِنْ يَدَيْ اللَّهِ وَرَسُولِهِ ؕ وَانفُوا لِلَّهِ
 إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١﴾ يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَرْفَعُوا أَصْوَاتَكُمْ
 فَوْقَ صَوْتِ النَّبِيِّ وَلَا تَجْهَرُوا لَهُ ۗ بِالْقَوْلِ كَجَهْرِ بَعْضِكُمْ
 لِبَعْضٍ أَن مَحْبُطٌ ؕ أَعْمَلْتُمْ وَأنتُمْ لَا تَشْعُرُونَ ﴿٢﴾ إِنَّ الَّذِينَ

‘Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu memandai-mandai (melakukan sesuatu perkara) sebelum (mendapat hukum atau kebenaran) Allah dan RasulNya; dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui. Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengangkat suara kamu melebihi suara Nabi, dan janganlah kamu menyaringkan suara (dengan lantang) semasa bercakap dengannya sebagaimana setengah kamu menyaringkan suaranya semasa bercakap dengan setengahnya yang lain. (Larangan yang demikian) supaya amal-amal kamu tidak hapus pahalanya, sedang kamu tidak menyedarinya. Sesungguhnya orang-orang yang merendahkan suaranya semasa mereka berada di sisi Rasulallah (s.a.w), - merekalah orang-orang yang telah dibersihkan Allah hati mereka untuk bertaqwa; mereka beroleh keampunan dan pahala yang besar.’

(Al-Hujurat: 1-3)

Demikianlah ayat-ayat yang menjelaskan apa yang diwajibkan dalam menjalin kebaikan muamalat dengan Rasulallah Sallallahu ‘alaihi wa sallam, yang selaras dengan kemuliaan akhlakunya.

Termasuk penghargaan baginya, kepatuhan terhadapnya, memelihara keindahan muamalat dengannya, kedermawan persahabatan dengannya, dan hormat dengan ertikata yang sebenar seperti yang telah diisyaratkan pada ayat-ayat yang disebutkan sebelum ini, sekaligus menunjukkan besarnya perhatian Ilahi terhadapnya:

Kaum Mukminin ditegah menyamaratakan panggilan Rasulallah Sallallahu ‘alaihi wa sallam sepertimana panggilan orang-orang awam yang lain, dengan ertikata tidak diperbolehkan mengabaikannya, bermudah-mudah dalam menjawabnya, ataupun pulang tanpa mendapat izinnnya. Bersegera menjawab panggilan Rasulallah Sallallahu ‘alaihi wa

sallam adalah wajib, dan menuntut sesuatu tanpa izinnya adalah haram.

Kaum Mukminin dilarang menyamaratakan panggilan terhadap Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam dengan panggilan terhadap orang lain, misalnya dengan menyebut namanya begitu sahaja, atau dengan suara yang keras, atau memanggil sesuka hati dari luar jendela dari belakang pintu. Memanggil Baginda hendaklah dengan memakai jolokan yang terpuji, seperti 'Wahai Nabiyullah, Wahai Rasulullah' dan disertai dengan rasa hormat serta suara yang lunak.

Kaum Mukminin dilarang mendahulukan masalah-masalahnya sendiri berbanding perintah Allah dan RasulNya. Demikian juga tidak diperbolehkan menetapkan suatu hukum sebelum ada keterangan tentang hukum Allah dan RasulNya. Kaum Mukminin harus menjadi orang-orang yang tunduk dan taat kepada perintah Allah dan RasulNya.

Oleh kerana itu, ayat ini menyanggah tindakan-tindakan yang serampangan di hadapan Allah dan RasulNya, dan melarang berbicara sebelum mengikuti petunjuk Allah dan RasulNya. Tujuannya adalah agar semua menjadi taat kepadanya dan selalu mengikutinya, terutama pada urusan yang penting. Dengan demikian manusia boleh berjalan selaras dengan syariat dan meneladani akhlak, dan kebijaksanaan Rasul utama.

Tidak menghairankan apabila para sahabat mampu menjalankan perintah-perintah Allah dengan benar, sebab pemahaman mereka terhadap ayat-ayat Al-Quran sesuai dengan pemahaman yang dimaksudkan oleh Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam, dan mereka berpegang teguh kepadanya.

Sebagaimana dikatakan oleh Ibn Abbas r.a. tentang ayat di atas, *'Jangan mengatakan apa pun selain daripada Al-Quran dan As-Sunnah'*

Sementara itu Mujahid r.a. berkata : *'Janganlah kamu berfatwa tentang sesuatu mendahului Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam, sampai Allah menetapkan hal itu melalui lisannya.'*

Manakala Ad-Dhahhak r.a. juga mengatakan sedemikian: *'Janganlah kamu memutuskan sesuatu masalah yang berhubungan kait dengan syariat agama kamu mendahului Allah dan Rasul-Nya.'*

Secara umum boleh disimpulkan makna ayat di atas sebagai berikut :

Janganlah orang-orang Mukmin tergesa-gesa pada perkataan dan perbuatan mereka sebelum Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam berkata dan berbuat terlebih dahulu, sebab seluruh umat ini pada hakikatnya berada di bawah perintahnya. Di samping itu, seluruh umat ini dilarang menyelewengkan ketaatan terhadap Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam serta meninggikan suara di hadapan Baginda melebihi suaranya. Bersuara dengan keras akan menyebabkan tersesat dan terhapusnya amal sebagaimana mendahulukan pandangan, akal, dan perasaan juga mengakibatkan rosak dan terhapusnya amalan.

Allah berfirman :

'Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengangkat suara kamu melebihi suara Nabi, dan janganlah kamu menyaringkan suara (dengan lantang) semasa bercakap dengannya sebagaimana sebahagian kamu menyaringkan suaranya semasa bercakap dengan sebahagian yang lain. (Larangan yang demikian) supaya amal-amal kamu tidak hapus pahalanya, sedang kamu tidak menyedarinya.'

(Al-Hujurat : 2)

Larangan Allah meninggikan suara melebihi suara Nabi tersebut bukan hanya berdasarkan alasan adab sopan-santun, melainkan juga sebagai ujian bagi hati-hati untuk meraih

ketakwaan dan mendapatkan ampunan serta balasan yang besar dan utama. Lihat sahaja firman Allah yang berbunyi :

إِنَّ الَّذِينَ
يَغْضُونَ أَسْوَاتَهُمْ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ أُولَٰئِكَ الَّذِينَ امْتَحَنَ اللَّهُ
قُلُوبَهُمْ لِلتَّقْوَىٰ لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ عَظِيمٌ

'Sesungguhnya orang-orang yang merendahkan suaranya semasa mereka berada di sisi Rasulullah (s.a.w), merekalah orang-orang yang telah diuji Allah hati mereka untuk bertaqwa; bagi mereka keampunan dan pahala yang besar.'

(Al-Hujurat : 3)

Sesudah turun ayat :

يٰۤأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَرْفَعُوا أَصْوَاتَكُمْ
فَوْقَ صَوْتِ النَّبِيِّ وَلَا تَجْهَرُوا لَهُ بِالْقَوْلِ كَجَهْرِ بَعْضِكُمْ
لِبَعْضٍ أَن تَحْبَطَ أَعْمَالُكُمْ وَأَنتُمْ لَا تَشْعُرُونَ

'Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengangkat suara kamu melebihi suara Nabi, dan janganlah kamu menyaringkan suara (dengan lantang) semasa bercakap dengannya sebagaimana sebahagian kamu menyaringkan suaranya semasa bercakap dengan sebahagian yang lain. (Larangan yang demikian) supaya amal-amal kamu tidak hapus pahalanya, sedang kamu tidak menyedarinya.'

(Al-Hujurat : 2)

Anas bin Malik r.a. meriwayatkan bahawa Thabit r.a. duduk di dalam rumahnya dan berkeluh kesah, *'Aku ini ahli neraka...'* Dia tidak mahu lagi menemui Nabi sehinggalah Nabi bertanya kepada Sa'ad bin Muaz r.a., *'Wahai Abu Amru, apa yang dikeluh-kesahkan oleh Thabit?'*

Jawab Sa'ad r.a., *'Dia tidak menderita apa-apa. Saya lihat dia sihat wal'afiat.'*

Lalu Sa'ad r.a. mendatangi Thabit r.a. dan meniru kata-kata Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam tentang dirinya. Berkata Thabit r.a., *'Telah turun ayat itu, sedangkan kamu tahu bahwa suaraku keras melebihi suara Nabi. Maka aku adalah ahli neraka..'*

Lantas Sa'ad r.a. melaporkan keterangan Thabit r.a. tersebut kepada Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam, lalu Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam berkata : *'Tetapi dia adalah ahli syurga.'*

Manakala di dalam riwayat Muhammad bin Thabit bin Qais bin Syammas tentang ayahnya, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam berkata : *'Tidakkah engkau rela untuk hidup dihormati, lalu terbunuh sebagai syahid, dan masuk syurga?'*

Dia menjawab: *'Saya rela dengan keterangan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam berkaitan berita gembira dari Allah itu, dan saya tidak akan meninggikan suara saya melebihi suara Rasulullah.'*

Lalu Allah s.w.t. menurunkan ayat:

إِنَّ الَّذِينَ
 يَغُضُّونَ أَصْوَاتَهُمْ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ أُولَٰئِكَ الَّذِينَ امْتَحَنَ اللَّهُ
 قُلُوبَهُمْ لِلتَّقْوَىٰ لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ عَظِيمٌ

'Sesungguhnya orang-orang yang merendahkan suaranya semasa mereka berada di sisi Rasulullah (s.a.w), merekalah orang-orang yang telah diuji Allah hati mereka untuk bertaqwa; bagi mereka keampunan dan pahala yang besar.'

(Al-Hujurat : 3)

Jadi wajiblah atas semua manusia, bahkan fardhu 'ain untuk memerhatikan bagaimana Allah s.w.t. menghargai Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam, dan wajib pula untuk mentaati perintah Allah, mengagungkan NabiNya, dan menetapkan keimanannya kepada Allah dan RasulNya.

Fardhu 'ain atas semua manusia untuk mengambil peduli terhadap Allah berkenaan dengan kedudukan RasulNya, baik dalam keadaan hidup mahupun setelah wafat. Sebab kedudukan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam, penghargaan dan pengagungan ke atasnya setelah wafatnya harus dilakukan sebagaimana ketika hidupnya. Misalnya sewaktu menyebutnya, menyebutkan hadis-hadis dan sunnahnya, mendengar namanya, mendengar sirahnya, mendengar tentang muamalatnya dengan keluarganya, dan juga mengagungkan keluarga beserta sahabat-sahabatnya.

Abu Ibrahim Al-Najibi r.a. berkata : *'Wajib atas semua orang beriman, apabila mengingati Baginda atau mendengar namanya disebut, untuk tunduk, khusyuk, dan bersikap tenang dan mengingati kewibawaan serta keagungannya, seolah-olah Baginda hidup di sampingnya, dan bersopan santun sebagaimana yang diajarkan oleh Allah.'*

Al-Qadhi Abu al-Fadl r.a. menguatkan pendapat di atas dengan mengatakan: *'Hal ini menjadi sirah orang-orang salih zaman dahulu, juga imam-imam kita yang ikhlas, yang diredhai Allah.'*

Sekarang kita memiliki hak untuk bertanya kepada diri sendiri, apakah telah seperti itu ketundukan, kekhusyukan dan penghargaan kita terhadap Nabi s.a.w.? Apakah telah layak penghargaan kita terhadapnya, dan sudahkan kita menjalankan adab-adab sebagaimana yang diajarkan oleh Allah s.w.t. apabila kita berhadapan langsung dengannya? Sudahkah kita penuhi hak Rasulullah s.a.w. seperti yang diperintahkan Allah s.w.t. :

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ
 فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ

'Katakanlah (wahai Muhammad): 'Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.'

(Ali Imran : 31)

Atau kita menolak dan menentangnya sehingga berlakulah firman Allah s.w.t. atas diri kita :

قُلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ ۖ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ
الْكَافِرِينَ

'Katakanlah, taatilah Allah dan Rasul jika kamu berpaling (menderhaka), maka sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang kafir.'

(Ali Imran : 32)

Atau kita telah menjalankan perintahNya dengan memenuhi hakNya sebagaimana yang difirmankan :

أَسْتَجِيبُوا لِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ إِذَا دَعَاكُمْ لِمَا يُحْيِيكُمْ

'...sahut dan sambutlah seruan Allah dan seruan RasulNya apabila Rasul menyeru kamu kepada perkara-perkara yang memberikan kehidupan kepadamu...'

(Al-Anfal : 24)

Atau kita menzalimi diri sendiri dan menentang perintahNya :

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ ذَكَرَ آيَاتِ رَبِّهِ ثُمَّ
أَعْرَضَ عَنْهَا إِنَّا مِنَ الْمُجْرِمِينَ مُنْقِمُونَ

'Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang diberi ingat dengan ayat-ayat Tuhannya, kemudian ia berpaling daripadanya (dan tetap mengingkarinya); Sesungguhnya Kami tetap membalas kepada orang-orang yang berdosa.'

(As-Sajdah : 22)

Sebenarnya tiada helah untuk kita tidak mengakui hal itu.

Di dalam dan luar negara kita, ada sahaja golongan-golongan yang rosak fahamannya dan keji pula tindakannya. Setiap saat

yang kita dengar dan kita rasakan dari kelompok-kelompok ini hanyalah tindakan agresif yang jahat dan kejam untuk saling menghancurkan dan membuat kerosakan. Bahkan kita juga boleh menemui betapa banyaknya cara dan tipu muslihat yang mereka gunakan, dengan keberanian yang luar biasa dan jumlah pengikut yang besar pula, untuk mengatasi orang-orang yang menuruti mereka, layak untuk dibinasakan atau setidaknya ditentang. Waktu dan dana dalam hal ini tidak harus dibimbangkan.

Pada aspek yang lain pula, kita boleh lihat orang-orang munafik dan berdusta tentang Rasulullah s.a.w., keluarganya, dan hamba-hamba Allah yang soleh. Orang-orang seperti ini pun tidak terhitung banyaknya. Apa yang menghairankan, dusta-dusta tersebut banyak dilempar kepada Islam. Mereka menghiasi lidah mereka, menodai serta menjelek-jelekan Islam dan para penganutnya. Dengan berbuat begitu, mereka mengira telah mendapat keredhaan Tuhan dalam agama mereka, dan telah mengikuti teladan Nabi mereka dalam menyampaikan risalah.

Padahal sebaliknya, mereka berdegil sampai mengingkari kepemimpinan Rasulullah s.a.w. yang telah terbukti nyata, menghindari selawat dan salam ke atas Baginda, serta merendahkan kehormatannya yang murni dan agung. Sama halnya, mereka pun menolak adanya kekhususan yang dianugerahkan Allah kepada wali-wali yang dikehendakiNya.

Itu semua terjadi kerana mereka dikuasai oleh kedengkian, hingga sikap yang keluar dari mereka hanyalah permusuhan. Mereka menghadapi wali-wali Allah yang mulia tidak dengan sikap hormat dan pengakuan, sebaliknya dengan ingkar disertai cemuhan dan penghinaan. Padahal sudah menjadi sunnatullah, wali-wali semacam itu dikurniakan *karamah* dan keajaiban yang luar biasa.

Lantas apalah salahnya sekiranya kita ikhlas beragama kerana Allah semata-mata dan mengutamakan cinta terhadap Rasul kita dengan sepenuh jiwa?

Apa salahnya seandainya kita memenuhi seruan Tuhan kita serta mengharumkan kalbu kita dengan selawat dan salam ke atas Rasul kita?

Apa salahnya kita menyucikan hati kita dan memahatkan niat yang ikhlas untuk menjawab panggilan Allah dan Rasul-Nya, juga mencintai *ahlul bait* dan wali-wali Allah yang soleh dan terhormat?

Apa salahnya seandainya kita membersihkan lidah dan pena kita dari mengumpat sejarah nenek moyang kita dan teguh mencintai Rasulullah, ahlul bait dan para wali, serta merelakannya sebagai penutup para Nabi dan Mursalin utusan Allah?

Apa salahnya di mata mereka dan kita seandainya kita melakukan hal-hal tersebut?

Bahkan apa salahnya sekiranya kita mengabaikan perbezaan-perbezaan pendapat yang berlaku di antara kita dan berpegang kepada tali Allah yang kukuh sahaja?

Sesungguhnya nenek moyang kita dari ahlul bait dan para wali telah menjadi pembuka kurnia dan menjadi wali bagi agama kita. Anugerah ini tidak diperolehi oleh orang-orang lain walau sampai bila pun. Bahkan Rasulullah s.a.w. pernah bersabda :

خَيْرُ الْقُرُونِ قَرْنِي ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ

'Sebaik-baik kurun adalah kurunku, kemudian yang berikutnya, dan yang berikutnya.'

Jadi, begitulah kita dengan para pembawa ilmu dan keutamaan yang namanya dicatat dan diabadikan oleh sejarah kemanusiaan. Mereka yang membawa obor petunjuk untuk menerangi jalan dan meninggalkan pusaka yang murni, yang tidak boleh diketahui nilai dan kedudukannya kecuali oleh orang yang mahu merasakan, mengenal, menyaksikan, serta mengakuinya.

Begitulah kisah tentang pemimpin kita, iaitu wali-wali yang jika dicatatkan nescaya tidak akan kering mata pena dan tidak terlipat lembaran (lantaran terlalu banyak). Walaupun manusia dikurniakan kemampuan bahasa yang luar biasa, tidak memadai baginya kecuali dengan mengakui keutamaan dan karamahnya, serta dengan menyatakan ilmu dan kelayakannya.

Begitulah kita dengan manusia utama yang dipilih Allah bagi makhlukNya, diutamakan risalahnya, dan merupakan makhluk yang paling agung, sebagaimana firmanNya :

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

'Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia.'

(Al-Qalam : 4)

Bukankah Baginda yang membuka kaedah-kaedah peradaban baru untuk menjawab firman Allah s.w.t. :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ
ءَامَنُوا اسْتَجِيبُوا لِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ إِذَا دَعَاكُمْ لِمَا يُحْيِيكُمْ

'Wahai orang-orang yang beriman, sahut dan sambutlah seruan Allah dan seruan RasulNya apabila Dia menyeru kamu kepada perkara-perkara yang memberikan kehidupan kepadamu.'

(Al-Anfal : 24)

Bukankah iman itu harus untuk mengutamakan kecintaan terhadapnya dan kepatuhan kepada perintahnya? Baginda s.a.w. bersabda :

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ وَالنَّاسِ
أَجْمَعِينَ

'Tidak beriman salah seorang dari kamu sehingga aku lebih dia cintai berbanding dirinya sendiri, ayahnya, anaknya dan sekalian manusia.'

Bukankah mengutamakan Baginda itu maksudnya antara lain mengikutinya, menyahutnya, dan mentaati semua perintah dan larangannya? Beliau bersabda :

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ يَكُونَ هَوَاهُ تَبَعًا لِمَا جِئْتُ بِهِ

'Tidak beriman salah seorang dari kamu sehingga ia menjadikan nafsunya mengikuti apa yang aku bawa.'

Bukankah hakikat beriman dan memberi sambutan kepadanya menjadikan Baginda sebagai orang yang paling ia cintai dari dirinya sendiri, hartanya, anaknya, ayahnya dan semua orang yang lain?

Dapatkah hal seperti itu dilakukan oleh orang-orang yang berlaku keji dan suka mengurangi hak Rasul Tuhan Pencipta alam?

Dapatkah hal seperti itu dilakukan oleh orang-orang yang kikir kepadanya walau sekadar untuk bertawassul dengannya, serta mengucapkan selawat dan salam atas dirinya?

Beliau s.a.w. bersabda :

حَسْبُ الْمَرْءِ مِنَ الْبُخْلِ أَنْ أذْكَرَ عِنْدَهُ وَلَمْ يُصَلِّ عَلَيَّ

'Cukuplah seseorang itu dianggap bakhil bila namaku disebutkan di hadapannya dia tidak mengucapkan selawat dan salam kepadaku.'

Pemimpin kita Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam adalah wasilah kita kepada Allah semasa hidupnya mahupun sesudah wafatnya di alam kubur serta penolong kita di sisi Allah di akhirat. Pada waktu itu semua Nabi terhalang untuk memberikan pertolongan.

Patutkah kita menolak mereka yang terdahulu daripada kita, para sahabat, tabi'in, tabi' al-tabi'in dan seterusnya orang yang soleh itu? Bahkan Allah s.w.t. mewariskan bumi seisinya kepada mereka. Dia mengkhhususkan pemberianNya bagi mereka, menguatkan mereka dengan *karamah*, dan membanjiri mereka dengan anugerahNya, hingga tepatlah apa yang disebutkan oleh Allah s.w.t. tentang mereka pada firmanNya :

لَهُمُ الْبُشْرَىٰ
 فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ لَا يَبْدِيلُ لِكَلِمَاتِ اللَّهِ
 ذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

'Untuk mereka sahalalah kebahagiaan yang mengembirakan di dunia dan di akhirat; tidak ada (sebarang perubahan pada janji-janji Allah. Yang demikian itulah kejayaan yang besar.'

(Yunus : 64)

Bukankah mereka berada dalam kedudukan yang layak sehingga kita dapat mencari barakah melalui mereka dan bertawassul dengan amal-amal baik mereka?

Bukankah mereka berada pada kedudukan yang layak sehingga Dia menganugerahkan mereka dengan kekuasaan, lebih dari manusia-manusia lain?

Bukankah mereka tergolong manusia-manusia yang dipilih Allah untuk menerima kekuasaan dan kenikmatan sehingga dengan itu mereka memuji-mujiNya?

Bukankah mereka di antara yang dipilih oleh Allah untuk mencintainya, dibangunkan untuk menolong dan melayaniNya sementara mereka tetap menjaga sembahyang-sembahyangnya?

Bukankah mereka termasuk di kalangan orang-orang yang dipanggil ke hadhrat Ilahi dan diperlihatkan martabat mereka sehingga orang-orang yang terdahulu memeluk Islam itulah yang terdekat di sisiNya?

Bukankah bagi mereka telah terbuka pintu-pintu menuju sisiNya dan Dia mengangkat hijab dari kalbu-kalbu mereka sehingga mereka hormat dan beradab kepadaNya?

Bukankah mereka yang dirayu dengan kasih sayang dan tidak perlu khuatir Dia akan murka dan berpaling dari diri mereka?

Lihatlah firman Allah s.w.t. :

الآيَاتِ أَوْلِيَاءَ اللَّهِ لَا خَوْفَ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ

'Ketahuilah! Sesungguhnya wali-wali Allah, tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.'

(Yunus : 62)

Bukankah mereka yang *basirahnya* disinari dengan kurnianya, nuraninya dibersihkan, dan diberitahu tentang rahsia-rahsia yang tersembunyi?

Bukankah mereka itu yang disebut-sebut sebagai orang-orang yang terbaik dan terselamat dari penglihatan para penjahat, sebab mereka itu laksana mempelai kerana mempelai itu tidak dilihat oleh orang-orang jahat?

Jadi, bagaimana mungkin mereka dijauhkan dari haknya, sedangkan mereka seperti itu keadaannya? Keberadaan manusia merupakan salah satu rahsia Sang Pencipta Yang Esa. Dia menciptakan manusia dari air mani, lalu diberi kemampuan untuk mendengar dan melihat, serta ditunjukkan kepadanya jalan, setelah beberapa saat sebelumnya dia tidak punya erti apa-apa.

Setiap ciptaan pastilah ada penciptanya, setiap makhluk pastilah memiliki *Khaliq*. Adapun Si Pencipta atau *Khaliq* itu Tunggal dan Maha Mampu melakukan apa sahaja yang dikehendakinya, memilih dan memberi siapa sahaja yang Dia kehendaki apa pun yang Dia kehendaki dan bila pun Dia kehendaki.

Firman Allah s.w.t. :

وَمَا كَانَ عَطَاءُ رَبِّكَ مَحْظُورًا

'...Dan tiadalah pemberian Tuhanmu itu tersekat (dari sesiapa pun).'

(Al-Isra' : 20)

Penjelasan yang sangat terang. Meskipun demikian, masih tertutup purnama kebenaran ini dari mata yang tidak mahu mencari. Masih tertutup bintang petunjuk ini dari semua yang enggan berfikir dan menggunakan akalunya. Bahkan orang-

orang seperti itu tidak mampu menyempurnakan perbahasan, ilmu dan pemikiran yang fitrah tentang rahsia-rahsia Ilahiyyah dan kurnia Rabbaniiyyah seperti yang diberikan oleh Allah kepada hamba-hambaNya yang bertakwa.

Mereka berdiri di hadapan pancaran kebenaran yang sangat jelas, tetapi hati-hati mereka terhalang dan penglihatan mereka tertutup oleh tabir kegelapan. Maka berpalinglah mereka dari kebenaran dalam memahami ayat-ayat Allah yang merupakan bukti-bukti jelas. Mereka juga meninggalkan serta melupakan sunnah yang menunjukkan kebenaran rahsia-rahsia Ilahiyyah, iaitu rahsia-rahsia yang diberikan dan dikurniakan Allah kepada hambaNya yang terpilih.

Di antara hamba-hamba Allah terdapat orang-orang yang bukan termasuk Nabi atau syuhada' tetapi kedudukan mereka di sisi Allah pada hari kiamat disertai oleh para Nabi dan syuhada'. Di dalam **Sunnah**nya, Abu Daud r.a. merakamkan kata-kata Umar r.a. :

إِنَّ مِنْ عِبَادِ اللَّهِ لَأُنَاسًا مَا هُمْ بِأَنْبِيَاءَ وَلَا شُهَدَاءَ يَعْبِطُهُمُ الْأَنْبِيَاءُ
وَالشُّهَدَاءُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِمَكَانِهِمْ مِنَ اللَّهِ تَعَالَى يَا رَسُولَ اللَّهِ
فَخَبَرْنَا مَنْ هُمْ قَالَ هُمْ قَوْمٌ تَحَابُّوا بِرُوحِ اللَّهِ عَلَى غَيْرِ أَرْحَامٍ
بَيْنَهُمْ وَلَا أَمْوَالٍ يَتَعَاطَوْنَهَا فَوَاللَّهِ إِنَّ وُجُوهَهُمْ لَنُورٌ وَإِنَّهُمْ عَلَى
نُورٍ وَلَا يَخَافُونَ إِذَا خَافَ النَّاسُ وَلَا يَحْزَنُونَ إِذَا حَزَنَ النَّاسُ وَقَرَأَ
هَذِهِ الْآيَةَ : أَلَا إِنَّ أَوْلِيَاءَ اللَّهِ لَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ

'Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda : 'Ada di antara hamba Allah orang-orang yang bukan termasuk Nabi mahu pun syuhada', tetapi mereka disertai oleh para Nabi dan syuhada' pada kedudukan mereka di sisi Allah di hari kiamat.' Maka berkatalah seseorang, : 'Wahai Rasulullah, beritahu kepada kami siapa mereka itu?' Baginda menjawab: 'Mereka adalah kaum yang saling mengasihi dan mencintai di jalan Allah, bukan kerana hubungan keluarga atau kerana

harta yang mereka bahagikan. Demi Allah, wajah-wajah mereka bercahaya, mereka berada di dalam cahaya. Mereka tidak takut ketika orang-orang merasa ketakutan dan tidak berduka tatkala orang-orang bersedih.’ Kemudian Baginda membaca ayat berikut: ‘Ketahuilah! Sesungguhnya wali-wali Allah, tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.’

(Yunus : 62)

Ada orang-orang yang lupa bahawa Rasulullah s.a.w. memiliki pewaris iaitu para ulama’ yang arif akan Allah, yang mewarisi dari Nabi mereka ilmu dan ketakwaan, maka mereka menjadi penggantinya dalam memberi petunjuk, dan berdakwah kepada Allah Subhanahu wa Ta’ala. Mereka menyerap cahayanya untuk ikut menerangi jalan kebenaran, petunjuk, serta hidayah bagi manusia. Mereka menyampaikan agama untuk manusia dengan meneladani adab dan akhlak Rasulullah s.a.w. di dalam kehidupannya, dalam gerak dan diamnya.

لَا تَزَالُ طَائِفَةٌ مِنْ أُمَّتِي ظَاهِرِينَ عَلَى الْحَقِّ لَا يَضُرُّهُمْ مَنْ خَذَلَهُمْ
حَتَّى يَأْتِيَ أَمْرُ اللَّهِ

‘Masih tetap segolongan umatku yang menegakkan kebenaran dan teguh atasnya. Orang-orang yang ingin membinasakan mereka tidak ada yang boleh mencelakakan mereka sehingga datangnya ketetapan dan kehendak Allah.’

Mereka inilah pewaris-pewaris Nabi iaitu mereka yang menyertainya; merupakan penawar yang diberikan Allah untuk mendidik jiwa, membina akhlak, menanam akidah, dan memantapkan iman manusia.

Maka jalan untuk menyucikan jiwa dan berhias dengan kesempurnaan akhlak diteladani oleh golongan yang mewarisi jalan Muhammad *Sallallahu ‘alaihi wasallam*, iaitu orang-orang yang membuat keimanan, ketakwaan, dan akhlak kita bertambah baik apabila bersahabat dengan mereka. Mereka itulah orang-orang yang keperibadiannya merupakan gambaran dari keperibadian teladan, iaitu keperibadian Muhammad Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wasallam*.

Pewaris Nabi Muhammad ini tidak lain adalah *waliyullah* yang arif kepada Tuhannya, yang tidak pernah gentar mahu pun sedih lantaran keimanan dan ketakwaan mereka.

Namun banyak orang yang melupakan semua itu, bahkan bergerak semakin jauh sampai melupakan peranan *wasilah* dan *tawassul*. Mereka mengingkari bahawa Al-Quran yang mulia itu sendiri merupakan wasilah atau perantara yang diturunkan oleh Allah atas RasulNya yang terakhir untuk mengeluarkan manusia dari kegelapan dan membimbing mereka menuju terang, serta memberi hidayat dengannya menuju jalan Allah Yang Maha Mulia lagi Maha Terpuji.

Allah s.w.t. berfirman :

الرَّكِيْبُ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ لِتُخْرِجَ النَّاسَ مِنَ الظُّلُمَاتِ
إِلَى النُّوْرِ بِإِذْنِ رَبِّهِمْ إِلَى صِرَاطٍ الْعَزِيْزِ الْحَمِيْدِ

'...Kitab yang Kami turunkannya kepadamu (wahai Muhammad) untuk kamu mengeluarkan umat manusia seluruhnya dari gelap-gelita (kekufuran) kepada cahaya (keimanan) dengan izin Tuhan mereka, (iaitu) ke jalan Allah Yang Maha Kuasa lagi Maha Terpuji.'

(Ibrahim : 1)

Dan juga :

كَيْتَبُ أَنْزَلَ إِلَيْكَ فَلَا يَكُنْ فِي صَدْرِكَ حَرَجٌ مِنْهُ
لِتُنذِرَ بِهِ. وَذِكْرَى لِلْمُؤْمِنِيْنَ

'(Al-Quran ini) sebuah Kitab yang diturunkan kepadamu (wahai Muhammad dari Tuhanmu). Oleh itu, janganlah ada perasaan bimbang dalam dadamu mengenainya, supaya engkau memberi amaran dengan Al-Quran itu (kepada orang-orang yang ingkar), dan supaya menjadi peringatan bagi orang-orang yang beriman.'

(Al-A'raf : 2)

Manakala Sayyidina Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*, akhlaknya adalah Al-Quran bahkan dikatakan Baginda adalah Al-Quran yang hidup.

Sedangkan agama merupakan wasilah atau perantara yang sempurna dan mutlak, yang diambil oleh manusia untuk merealisasikan tujuan penciptaan dirinya, sebagaimana disebutkan di dalam Al-Quran :

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

'Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembahKu.'

(Az-Zariyat : 56)

Apabila untuk beragama itu memerlukan iman, maka yang dimaksudkan dengan iman ialah iman kepada Allah, kepada Malaikat-MalaikatNya, kepada Kitab-KitabNya, kepada Hari Pertemuan denganNya, kepada Rasul-RasulNya, dan kepada Kebangkitan di Hari Akhir.

Beriman dengan cara ini merupakan wasilah yang dengannya membolehkan manusia memperolehi petunjuk dan hidayat dari Allah *Subhanahu wa Ta'ala* di dunia serta keberhasilan dan kemenangan di negeri akhirat.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* :

وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنزِلَ
إِلَيْكَ وَمَا أُنزِلَ مِنْ قَبْلِكَ وَيَآخِرَةَ هُمْ يُوقِنُونَ
أُولَئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ وَأُولَئِكَ
هُمُ الْمُفْلِحُونَ

'...Dan mereka yang beriman kepada Kitab (Al-Quran) yang telah diturunkan kepadamu dan kitab-kitab yang telah diturunkan sebelumnya, serta mereka yakin akan adanya (kehidupan) akhirat. Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka. Dan merekalah orang-orang yang beruntung.'

(Al-Baqarah : 4-5)

Apabila agama tersebut adalah Islam, maka Islam adalah syahadah 'Laa ilaaha Illallah' dan 'Muhammadur Rasulallah'. Dan syahadah 'Laa ilaaha Illallah Muhammadur Rasulallah' adalah wasilah yang membimbing hamba-hamba menuju keselamatan dan wasilah untuk memasuki syurga.

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda :

مَنْ شَهِدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ حَرَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ
النَّارَ

'Barangsiapa bersaksi bahawa tiada Tuhan yang patut disembah melainkan Allah dan Nabi Muhammad adalah pesuruh Allah, maka diharamkan atasnya api neraka.'

Baginda bersabda lagi :

مَنْ شَهِدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَخَدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ وَأَنَّ عِيسَى عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ وَكَلِمَتُهُ أَلْقَاهَا إِلَى مَرْيَمَ
وَرُوحٌ مِنْهُ وَالْجَنَّةُ حَقٌّ وَالنَّارُ حَقٌّ أَدْخَلَهُ اللَّهُ الْجَنَّةَ عَلَى مَا كَانَ
مِنْ عَمَلٍ

'Barangsiapa bersaksi bahawa tiada Tuhan yang disembah selain Allah dan tidak menyekutukanNya, dan bahawa Muhammad adalah hamba dan utusanNya, bahawa Isa adalah hamba Allah dan utusanNya serta ruhNya dicampakkan ke dalam diri Maryam, syurga adalah benar, dan neraka adalah benar, ia akan dimasukkan ke dalam syurga oleh Allah sesuai dengan amal perbuatannya.'

Maka Islam adalah mendirikan solat.

Solat merupakan sendi agama yang mencegah keburukan dan kejahatan, serta merupakan *wasilah* yang dipergunakan oleh hambaNya untuk mendekatkan diri kepada Tuhannya.

Allah berfirman :

كَلَّا لَا تُطِعْهُ وَأَسْجُدْ وَاقْتَرِبْ

'Ingatlah! Janganlah engkau (wahai Muhammad) menurut kehendaknya, dan (sebaliknya) sujudlah dan dampingkanlah dirimu kepada Allah (dengan taat dan beramal soleh)!'

(Al-Alaq : 19)

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda pula :

أَقْرَبُ مَا يَكُونُ الْعَبْدُ مِنْ رَبِّهِ وَهُوَ سَاجِدٌ

'Seorang hamba berada paling dekat dengan Tuhannya tatkala ia bersujud.'

Islam juga adalah membayar zakat yang difardhukan.

Zakat adalah satu cara untuk menyucikan harta dan merupakan *wasilah* yang dipergunakan oleh manusia untuk menjaga hartanya serta keberkatan di dalamnya, juga boleh menjadi penawar kepada penyakit. Sebagaimana disabdakan oleh Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam :

حَصِّنُوا أَمْوَالَكُمْ بِالزَّكَاةِ وَدَاوُوا مَرْضَاكُمْ بِالصَّدَقَةِ

'Bentengilah harta kamu dengan zakat dan ubatilah orang yang sakit diantara kamu dengan sedekah.'

Islam adalah berpuasa pada bulan Ramadhan.

Puasa Ramadhan yang disertai keimanan dan perhitungan merupakan *wasilah* bagi orang-orang yang berpuasa untuk mencari keampunan atas dosa-dosanya.

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda lagi :

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

'Barangsiapa berpuasa Ramadhan dengan penuh keimanan dan perhitungan, maka Allah akan memberinya keampunan atas dosa-dosanya yang telah lalu.'

Islam adalah melaksanakan ibadah haji apabila mampu.

Melaksanakan ibadah haji ke Baitullah Al-Haram bagi orang-orang yang berkemampuan mencapainya tanpa gangguan, tidak disertai oleh kefasikan, dan tidak pula menimbulkan perdebatan merupakan *wasilah* yang membolehkan orang yang menunaikan haji keluar dari dosa-dosanya.

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda lagi :

مَنْ حَجَّ وَلَمْ يَرْفُثْ وَلَمْ يَفْسُقْ خَرَجَ مِنْ ذُنُوبِهِ كَيَوْمِ وَلَدَتْهُ أُمُّهُ

'Barangsiapa menunaikan ibadah haji tanpa melakukan sesuatu yang buruk dan fasik akan keluar dari dosa-dosanya sebagaimana dia keluar dari perut ibunya.'

Islam juga adalah jihad pada jalan Allah.

Jihad di jalan Allah s.w.t. merupakan *wasilah* yang dilakukan oleh orang yang berjihad itu untuk meraih darjat syuhada', yang tetap hidup di sisi Tuhannya dan mendapat rezeki.

Allah s.w.t. berfirman :

وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتًا بَلْ أَحْيَاءٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ ﴿١٦١﴾ فَرِحِينَ بِمَاءِ آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ، وَيَسْتَبْشِرُونَ بِالَّذِينَ لَمْ يَلْحَقُوا بِهِمْ مِنْ خَلْفِهِمْ أَلَّا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ

'Dan jangan sekali-kali engkau menyangka orang-orang yang terbunuh pada jalan Allah itu mati, (mereka tidak mati) bahkan mereka hidup di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki. Mereka bersukacita dengan kurniaan Allah yang telah dilimpahkan kepada mereka, dan mereka bergembira dengan berita baik mengenai (saudara-saudaranya) orang-orang yang masih tinggal di belakang, yang belum sampai kepada mereka, bahawa tidak ada kebimbangan terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.'

(Ali Imran : 169-170)

Jihad juga adalah wasilah yang membolehkan orang yang berjihad tersebut diharamkan jasadnya dari api neraka. Sebagaimana disabdakan oleh Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam :

مَنْ اغْبَرَّتْ قَدَمَاهُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ حَرَّمَ اللَّهُ سَائِرَ جَسَدِهِ عَلَى النَّارِ

'Barangsiapa menyebabkan kakinya berdebu di jalan Allah, maka Allah akan mengharamkan tubuhnya dari api neraka.'

Manakala jika dikatakan bahawa agama adalah *ihsan*, maka yang dimaksudkan dengan *ihsan* ialah :

أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ

'Engkau beribadat kepada Allah seolah-olah engkau melihatNya, dan apabila engkau tidak melihatNya, Dia tetap melihatmu.'

Ibadah kepada Allah seolah-olah melihatNya akan menjadikan seseorang berusaha sekuat tenaganya untuk tidak meninggalkan khusyuk dan tunduk, diam dan tekun, serta memadukan batiniyyah dan lahiriyyah untuk menyempurnakan ibadah dengan sebaik-baiknya. Ini merupakan cara terbaik untuk menyedarkan manusia bahawa Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sentiasa menyertai dan menjaganya setiap waktu.

Allah s.w.t. berfirman :

وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ

'...Dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah beserta orang-orang yang berusaha membaiki amalannya.'

(Al-Ankabut : 69)

Dan firman Allah s.w.t. lagi :

إِنَّ اللَّهَ مَعَ الَّذِينَ اتَّقَوْا وَالَّذِينَ هُمْ مُحْسِنُونَ

'Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang bertaqwa, dan orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.'

(An-Nahl : 128)

Apabila agama ini diterjemahkan dengan erti 'kejujuran dalam berniaga', maka kejujuran tersebut merupakan wasilah bagi pedagang berkenaan agar kelak pada hari kiamat dapat berkumpul dengan para Nabi, siddiqin, syuhada' dan orang-orang yang soleh.

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda :

التَّاجِرُ الصَّدُوقُ الْأَمِينُ مَعَ النَّبِيِّ وَالصَّادِقِينَ وَالشُّهَدَاءِ

'Pedagang yang jujur dan dapat dipercayai akan bersama para Nabi, siddiqin dan syuhada .'

Jikalau agama ini diterjemahkan sebagai sikap 'amanah' maka 'amanah' tersebut menjadi *wasilah* yang digunakan oleh seseorang yang amanah untuk memelihara iman dan agamanya.

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda :

لَا إِيمَانَ لِمَنْ لَا أَمَانَةَ لَهُ، وَلَا دِينَ لِمَنْ لَا عَهْدَ لَهُ

'Tidak beriman orang yang tidak memiliki sifat amanah, dan tidak beragama orang yang tidak dapat dipercayai.'

Apabila agama ini adalah 'keikhlasan' maka yang dimaksudkan adalah keikhlasan dalam bertani, berdagang, atau pekerjaan lain, atau dalam soal-soal kehidupan yang lain. Apa yang jelas, keikhlasan dalam amalan apa sahaja yang boleh menjadi *wasilah* bagi seseorang yang ikhlas itu supaya apa yang dilakukannya diterima oleh Allah.

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda :

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ لَا يَقْبَلُ مِنَ الْعَمَلِ إِلَّا مَا كَانَ لَهُ خَالِصًا وَابْتِغَى بِهِ وَجْهَهُ

'Sesungguhnya Allah tidak mahu menerima amalan apapun kecuali yang dilakukan secara tulus dan ikhlas, dan kerana wajahNya.'

Jikalau agama ini diterjemahkan sebagai kejujuran secara umum dan menyeluruh, maka kejujuran tersebut boleh menjadi wasilah bagi pelakunya agar boleh dicatat di sisi Allah sebagai golongan siddiqin.

Daripada Ibn Mas'ud r.a., Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda :

إِنَّ الصَّدْقَ يَهْدِي إِلَى الْبِرِّ وَإِنَّ الْبِرَّ يَهْدِي إِلَى الْجَنَّةِ وَإِنَّ الرَّجُلَ
لَيَصْدَقُ حَتَّى يُكْتَبَ عِنْدَ اللَّهِ صِدْقًا وَإِنَّ الْكَذِبَ يَهْدِي إِلَى
الْفُجُورِ وَإِنَّ الْفُجُورَ يَهْدِي إِلَى النَّارِ وَإِنَّ الرَّجُلَ لَيَكْذِبُ حَتَّى
يُكْتَبَ عِنْدَ اللَّهِ كَذَابًا

'Kejujuran itu membawa kepada kebajikan, dan kebajikan membawa kepada syurga. Maka seseorang terus melakukan kejujuran sampai tertulis di sisi Allah sebagai orang yang jujur. Adapun dusta itu membawa kepada kejahatan dan kejahatan membawa kepada neraka. Maka seseorang itu terus berbuat dusta sampai dicatat di sisi Allah sebagai pendusta.'

Carilah teladan yang anda kehendaki tentang apa yang diperintahkan oleh Pemberi syariat yang bijaksana itu, nescaya akan temui di hadapan anda sesuatu yang mudah dan tidak memberatkan. Ia juga merupakan wasilah yang benar, yang boleh digunakan oleh seseorang hingga wujud jawapan dari Penciptanya.

Bahkan kalau anda mahu anda boleh katakan : *'Sebagaimana Al-Quran yang mulia beserta perintah-perintah dan larangan-laranganNya yang tertera di dalamnya, boleh digunakan sebagai wasilah, kemudian Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam, beserta mukjizat dan segala hal yang aneh dan luar biasa yang keluar daripada tangannya boleh digunakan sebagai wasilah, maka agama dalam keseluruhannya yang penuh dan isinya yang*

mutlak atas dasar dan cahaya sebagaimana disebutkan di atas boleh juga digunakan sebagai wasilah. Dunia yang diliputi kenikmatannya yang tidak terhitung pun dapat digunakan sebagai wasilah untuk bertawassul kepada redha Allah yang menciptakannya.'

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda :

لَا تَسُبُّوا الدُّنْيَا فَتَعِمَّتْ مَطِيَّةُ الْمُؤْمِنِ عَلَيْهَا يَبْلُغُ الْخَيْرَ وَبِهَا يَنْجُو مِنَ الشَّرِّ

'Janganlah kamu mencela dunia, sebab ia merupakan kenikmatan yang paling baik bagi orang-orang yang beriman. Dengannya ia mencapai kebaikan, dan dengannya ia selamat dari kejahatan.'

Sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam, '*Janganlah kamu mencela dunia..'* maksudnya dunialah yang membawa kamu untuk taat kepada Allah. Maka dari itu dikatakan oleh Baginda s.a.w., '*sebab ia merupakan kenikmatan yang paling baik bagi orang-orang yang beriman...*'

Jadi, dunia itu dipuji kerana ia merupakan kenikmatan atau kurnia bukan kerana ia merupakan kebanggaan dan wujud kepalsuan.

Kalau anda sudah mengetahui semua itu, wahai saudaraku pembaca yang terhormat, maka tidak ada jalan untuk mengingkari tawassul atau wasilah, sebab tawassul atau menggunakan wasilah dengan segala sesuatu dan dalam semua masalah adalah diperbolehkan. Hal tersebut boleh dilakukan bila sahaja diperlukan dan menjadi keperluan hidup.

Al-Baihaqi r.a. mengeluarkan dengan sanad sahih di dalam kitabnya, Dalail An-Nubuwwah, bahawa Al-Hafiz Az-Zahabi r.a. berkata : '*Raihlah itu, sebab sesungguhnya semua itu adalah petunjuk dan cahaya'*

Diterima daripada Umar Radiallahu'anhu, katanya, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda :

لَمَّا اقْتَرَفَ آدَمُ الْخَطِيئَةَ قَالَ: يَا رَبِّ، أَسْأَلُكَ بِحَقِّ مُحَمَّدٍ الْإِ
 غْفَرْتَ لِي، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا آدَمُ، كَيْفَ عَرَفْتَ مُحَمَّدًا وَلَمْ
 أَخْلُقْهُ؟ قَالَ: يَا رَبِّ إِنَّكَ لَمَّا خَلَقْتَنِي رَفَعْتَ رَأْسِي فَرَأَيْتُ عَلَى
 قَوَائِمِ الْعَرْشِ مَكْتُوبًا: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ، فَعَلِمْتُ أَنَّكَ
 لَمْ تَضِفْ إِلَيَّ اسْمِكَ إِلَّا أَحَبَّ الْخَلْقِ إِلَيْكَ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
 صَدَقْتَ يَا آدَمُ، إِنَّهُ أَحَبُّ الْخَلْقِ إِلَيَّ، وَإِذْ سَأَلْتَنِي بِحَقِّهِ فَقَدْ غَفَرْتُ
 لَكَ، وَلَوْ لَا مُحَمَّدٌ مَا خَلَقْتُكَ (هَذَا الْحَدِيثُ أَخْرَجَهُ الْحَاكِمُ أَيْضًا
 فِي الْمُسْتَدْرَكِ عَلَى شَرْطِ الْبُخَارِيِّ وَمُسْلِمٍ وَصَحَّحَهُ الطَّبْرَانِيُّ وَزَادَ فِيهِ:
 وَهُوَ آخِرُ الْأَنْبِيَاءِ مِنْ ذُرِّيَّتِكَ).

‘Tatkala Nabi Adam, melakukan kesalahan, beliau bertaubat dan berkata : ‘Wahai Tuhanku, aku memohon dengan hak Muhammad agar Engkau mengampuniku.’ Maka Allah menjawab: ‘Hai Adam, bagaimana engkau mengetahui soal Muhammad sedangkan dia belum lagi diciptakan?’ Adam menjawab : ‘Wahai Tuhanku, setelah Engkau menciptakan aku, aku mendongak ke langit memandang tiang-tiang Arasy yang tertulis: Laa ilaaha Illallah Muhammadur Rasulullah. Maka aku tahu bahawa Engkau tidak akan menyertakan namaMu kecuali dengan nama orang yang Kau kasih.’ Allah menjawab: ‘Engkau benar wahai Adam. Dia adalah makhluk yang paling Ku kasih. Kalau engkau memohon kepadaKu dengan haknya, kau Ku ampuni. Kalau tidak kerana Muhammad, tidaklah Aku menciptakanmu.’

(Hadis ini dikeluarkan oleh Al-Hakim dalam Al-Mustadrak dengan syarah Al-Bukhari dan Muslim dan dibenarkan oleh At-Thabrani dan ditambahkan: ‘Dan dia adalah penutup para Nabi dari keturunanmu.’)

Diterima pula daripada Abu Bakar bin Muhammad bin Ahmad bin Al-Farj dari Ibn Hamid r.a., katanya : ‘Abu Ja’far r.a., Amirul Mukminin, telah berbincang dengan Malik r.a. (Imam Malik bin Anas r.a.) di Masjid Rasulullah.’ Kata Imam Malik r.a. : ‘Wahai Amirul Mukminin, janganlah anda meninggikan suara di masjid ini, sebab Allah telah mengatur nada suara manusia tentang hal itu dengan firmanNya :

لَا تَرْفَعُوا أَصْوَاتَكُمْ
فَوْقَ صَوْتِ النَّبِيِّ وَلَا تَجْهَرُوا لَهُ، بِالْقَوْلِ كَجَهْرِ بَعْضِكُمْ
لِبَعْضٍ أَن تَحْبَطَ أَعْمَالُكُمْ وَأَنتُمْ لَا تَشْعُرُونَ

‘...Janganlah kamu mengangkat suara kamu melebihi suara Nabi, dan janganlah kamu menyaringkan suara (dengan lantang) semasa bercakap dengannya sebagaimana sebahagian kamu menyaringkan suaranya semasa bercakap dengan sebahagian yang lain, supaya amal-amal kamu tidak hapus pahalanya, sedang kamu tidak menyedarinya.’

(Al-Hujurat : 2)

Dan Dia memuji manusia dengan firmanNya :

إِنَّ الَّذِينَ
يَغُضُّونَ أَصْوَاتَهُمْ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ أُولَئِكَ الَّذِينَ امْتَحَنَ اللَّهُ
قُلُوبَهُمْ لِلنَّقْوَى لَهُم مَّغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ عَظِيمٌ

‘Sesungguhnya orang-orang yang merendahkan suaranya semasa mereka berada di sisi Rasulullah (s.a.w), merekalah orang-orang yang telah diuji Allah hati mereka untuk bertaqwa; mereka beroleh keampunan dan pahala yang besar.’

(Al-Hujurat : 3)

Serta mengecam manusia dengan firmanNya :

إِنَّ الَّذِينَ
يُنَادُونَكَ مِنَ وَرَاءِ الْحُجُرَاتِ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْقِلُونَ

'Sesungguhnya orang-orang yang memanggilmu dari luar bilik-bilik (tempat ahlimu, wahai Muhammad), kebanyakan mereka tidak mengerti (adab dan tata tertib).'

(Al-Hujurat : 4)

Manakala cara menghormati Baginda dalam keadaan wafat sama dengan cara menghormatinya dalam keadaan hidup.'

Maka Abu Ja'far r.a. menjadi tenang dan bertanya: *'Wahai Abu Abdullah (gelaran Imam Malik r.a.), apabila hendak berdoa, apakah aku harus menghadap kiblat atau menghadap kepada Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam?'*

Jawab Imam Malik r.a. : *'Mengapa mesti memalingkan wajah darinya, sedangkan dia adalah wasilah anda dan wasilah ayah anda, Adam, kepada Allah pada hari kiamat? Menghadaplah kepadanya dan mintalah syafaat dengan perantaraannya, nescaya Allah akan mengabulkannya.'*

Allah s.w.t. berfirman :

وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ
 جَاءُوكَ فَاسْتَغْفَرُوا اللَّهَ وَأَسْتَغْفَرَ لَهُمُ الرَّسُولُ
 لَوَجَدُوا اللَّهَ تَوَّابًا رَحِيمًا

'Dan kalaulah mereka ketika menganiaya diri mereka sendiri datang kepadamu (wahai Muhammad) lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasulullah juga memohon ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani.'

(An-Nisa' : 64)

Selawat dan salam bagimu wahai Sayyidi, wahai Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam.'

Selanjutnya saya memohon supaya buku ini dapat menggambarkan dengan jujur kesimpulan sebenar dari Al-Quran dan As-Sunnah, perkataan para ulama' dan umat terdahulu.

Demikianlah, saya berharap kepada Allah agar menuliskan manfaat baginya dan menggerakkan hati kaum muslimin untuk

menerimanya, serta menjadikan hal tersebut sebagai tambahan kebaikan kita. *Hasbunallahu wa ni'mal wakil.*

MUSA MUHAMMAD ALI

CLICK HERE TO CONTINUE...

← **Kandungan** →